

Headline	Puspakom tambah baik perkhidmatan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	28	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	107 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,115
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,344



Puspakom tambah baik perkhidmatan

KUALA LUMPUR 26 April - Pusat Pemeriksaan Puspakom Sdn. Bhd. (Puspakom) cawangan Batu Caves akan dikhususkan untuk pemeriksaan kenderaan persendirian mulai 23 Mei ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Puspakom, Mohammed Shukor Ismail berkata, bermula tarikh tersebut juga, pusat pemeriksaan di Taman Bukit Maluri, di sini akan dikhususkan untuk pemeriksaan teksi dan kenderaan perdagangan ringan.

Katanya, penambahbaikan itu bertujuan untuk melancarkan aliran trafik serta mempercepatkan operasi di kedua-dua pusat pemeriksaan tersebut.

“Dua lagi lorong pemeriksaan akan ditambah di Puspakom Batu Caves menjadikan lima lorong keseluruhannya bagi menampung keperluan pemeriksaan kenderaan persendirian.

“Sementara itu, Puspakom Taman Bukit Maluri akan dibahagikan kepada dua bahagian yang mana setiap bahagian merangkumi empat lorong. Salah satu bahagian akan dikhususkan untuk pemeriksaan teksi manakala satu bahagian lagi dikhaskan untuk pemeriksaan kenderaan ringan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu, pelaksanaan pengkhususan di cawangan-cawangan tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Puspakom untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

“Pengkhususan ini akan dapat mengurangkan masa menunggu, menawarkan keadaan yang lebih selesa kepada pelanggan serta meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan Puspakom kepada pelanggan,” katanya

Sebarang pertanyaan hubungi talian bebas tol Puspakom di 1-800-88-69278, emel dp.customerservice@puspakom.com.my atau layari laman web www.puspakom.com.my.